

05 NOV 1997

PUTERA MAHKOTA MONACO MELAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Putera Mahkota Monaco, Putera Albert tiba di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang hari ini untuk lawatan rasmi lima hari ke negara ini.

Beliau disambut oleh Setiausaha Bahagian Eropah di Kementerian Luar, Encik M. Santhananaban.

Putera Albert dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Wisma Putra pada jam 9 pagi esok sebelum mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara pada jam 10 pagi.

Beliau kemudian akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri pada 11 pagi sebelum menghadiri majlis makan tengah hari bersama 15 tokoh perniagaan Malaysia di sebuah hotel terkemuka di sini.

Monaco ialah sebuah negara beraja di bawah pemerintahan Putera Rainer 111 dengan keluasan hanya satu batu persegi dan mempunyai penduduk seramai 30,000 orang.

Terletak di kawasan Mediterranean di selatan Perancis dan berjiran dengan Itali, Monaco merupakan destinasi pelancongan yang menarik dan terkenal dengan perlumbaan kereta Monaco Grand Prix dan kasino. -- Bernama
mhi oba